

02/03/2003

Malaysia terus suara bantah peperangan

KOTA TINGGI: Malaysia akan terus menyuarakan pandangan menentang sebarang bentuk peperangan pada peringkat antarabangsa, walaupun membabitkan kepentingan kuasa besar dunia, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, pandangan berbeza itu bukan bermaksud Malaysia mahu bermusuhan dengan mana-mana negara, tetapi ia adalah cara terbaik bagi memastikan dunia bebas daripada sebarang ancaman peperangan.

Syed Hamid berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar kelmarin, bahawa Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Malaysia sudah menghantar laporan ke Washington berhubung ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-

13, Isnin lalu.

Duta Besar Amerika, Marie T Huhtala, berkata demikian di Kota Kinabalu, apabila diminta memberikan pendapat berhubung ucapan Dr Mahathir yang lantang tidak mahu Amerika menyerang Iraq.

Syed Hamid berkata, adakah menjadi satu kesalahan jika Malaysia menentang peperangan dan mahukan keamanan atau berbeza pendapat dengan Amerika.

"Walaupun Malaysia sebuah negara kecil tetapi adalah amat penting untuk kita menyuarakan pandangan serta mempunyai pendirian tetap. Bagaimanapun, kita bukan mahu bermusuhan dengan Amerika malah, kita tidak mempunyai kekuatan untuk bermusuhan dengan mereka," katanya.